

Pendidikan Kanak-Kanak Muslim Rohingya: Kajian Kes di Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor.

Education of Rohingya Muslim Children: A Case Study in Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor.

Aida Zahirah Samsudin¹, Napisah Karimah Ismail¹,

¹Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 30 November 2021

Disemak: 30 November 2021

Diterbit: 30 November 2021

*Perhubungan Penulis:

Aida Zahirah Samsudin, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;
Email: aidaazaherah@gmail.com

Abstrak: Kedatangan pelarian Rohingya ke Malaysia telah menimbulkan pelbagai implikasi termasuk masalah sosial dan peningkatan kadar jenayah. Sebahagian besar daripada mereka adalah golongan yang tidak mendapatkan pendidikan yang sewajarnya di negara asal dan hal ini menyukarkan mereka untuk meneruskan kehidupan apabila berada di Malaysia atau negara transit. Kajian ini bertujuan meneliti latar belakang *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE), Kajang, Selangor dan menganalisis peranan dan cabaran RISE dalam menguruskan pendidikan masyarakat pelarian Rohingya. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes dan data diperoleh daripada kajian perpustakaan dan temu bual kumpulan fokus. Kajian mendapati RISE merupakan salah sebuah pusat pembelajaran yang ditubuhkan oleh NGO tempatan dalam usaha menyediakan pendidikan asas kepada golongan pelarian di Malaysia. Antara peranan RISE adalah memberi perlindungan, menyediakan bantuan kelengkapan persekolahan serta silibus pembelajaran yang sesuai kepada kanak-kanak Rohingya. Namun begitu, dalam usaha memberi pendidikan yang sewajarnya kepada kanak-kanak Rohingya, RISE berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya ialah masalah komunikasi kerana kanak-kanak tersebut tidak memahami bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, ketiadaan kad UNHCR dan masalah dalaman keluarga masyarakat Rohingya. Selain itu, RISE juga tidak mempunyai dana kewangan yang banyak untuk membiayai kos pendidikan kanak-kanak tersebut yang menyukarkan mereka untuk memberi perkhidmatan dan kualiti pendidikan yang lebih baik. Kajian seumpama ini juga boleh diteruskan terhadap pusat bimbingan alternatif lain di seluruh negara bagi mengenal pasti kekurangan dan mencadangkan penambahbaikan. Kajian diharapkan memberi manfaat kepada pelbagai pihak termasuk kerajaan atau organisasi yang terlibat dalam merencanakan modul atau silibus serta sistem pendidikan yang berkualiti untuk pusat bimbingan alternatif di Malaysia.

Kata kunci: Rohingya di Malaysia, pendidikan, RISE, peranan dan cabaran

Abstract: The arrival of Rohingya refugees to Malaysia has caused some social and arising criminal rates. Most of them have not had an educational basis in their origin country and have contributed to adversity for them to live in Malaysia or any transit country. The purpose of this research is to examine the background of *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE), Kajang, Selangor by analyzing the roles and challenges in taking charge of the education for the Rohingya refugees. The qualitative study has been used by approaching a case study and the data obtained from library research and focus group interviews. The study's key finding indicates that RISE is one of the learning centres established by local NGOs in an attempt to provide primary education for refugees in Malaysia. The objective of RISE is to provide safety and school essentials with a convenient learning syllabus for refugees children. However, to provide an appropriate education for Rohingya children, RISE had to face diverse challenges. The challenges are the complication of communication because the children do not understand Malay or English, the absence of UNHCR cards and the internal problems of Rohingya families. In addition, RISE also does not have sufficient financial funds to accommodate their

educational costs for quality education. These studies will enhance other learning centres across the country to identify the inadequacy of refugee children education and suggest improvements. This research is expected to contribute to variegated parties besides the government or organizations involved in planning modules or syllabus to attempt a quality education system for learning centres in Malaysia.

Keywords: *Rohingya in Malaysia, education, RISE, role and challenges*

Pengenalan

Pelarian Rohingya merupakan kelompok etnik pelarian yang paling besar di Malaysia hal ini berdasarkan statistik anggaran umum populasi pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan *United Nations High Commission For Refugees* (UNHCR Malaysia) pada akhir Mac 2020, jumlah pelarian Rohingya di Malaysia direkodkan sebanyak 101,580 daripada jumlah keseluruhan 179,520 pelarian. Jumlah populasi mereka meningkat dari tahun ke tahun malah keberadaan golongan ini di Malaysia mula dikenalpasti pada sekitar tahun 1980-an. Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan Malaysia sebagai negara transit pelarian dan pencari suaka Rohingya adalah disebabkan Malaysia sebuah negara Islam, sebahagian ahli keluarga sudah berada di Malaysia, mudah untuk mencari pekerjaan, ejen menawarkan penyeludupan yang menarik, tiada pilihan lain dan juga sempadan Malaysia mudah untuk dibolosi (Wahab, 2019). Golongan ini datang ke Malaysia sehelai sepinggang dengan mengimpikan kehidupan baru yang lebih baik namun setelah tiba di Malaysia mereka mendapati realiti kehidupan di sini tidaklah seperti yang diidamkan disebabkan mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran seperti pengangguran dan tiada jaminan pekerjaan, kesukaran mendapatkan sijil kelahiran dan sijil perkahwinan, tidak mendapat pendidikan formal, masalah kesihatan serta terdedah pada ancaman ditahan dan dihantar keluar dari Malaysia (Suan, 2006). Apabila ditinjau permasalahan yang dihadapi oleh golongan ini, dapat disimpulkan bahawa ia berpunca daripada ketiadaan dokumentasi pengenalan diri dan kedudukan Rohingya sebagai warga yang tidak mempunyai negara (*stateless people*) (Khan et al., 2019).

Berikutan itu, golongan kanak-kanak Rohingya turut terkesan di mana terdapat cabaran dan limitasi yang terpaksa ditempuhi oleh mereka untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya. Isu keciciran pendidikan kanak-kanak pelarian dan tanpa warganegara berada pada tahap yang merisaukan di mana sehingga tahun 2016 telah dicatatkan terdapat 50% kanak-kanak pelarian dan tanpa warganegara di peringkat sekolah rendah tercicir daripada mendapatkan pendidikan dan 75% di peringkat sekolah menengah (Miskiman & Zainal, 2019). Selain itu, masalah jenayah dan sosial di Malaysia seringkali dikaitkan dengan golongan pendatang dan orang tanpa

warganegara (Hajimin & Ibrahim, 2017; Miskiman & Zainal, 2019). Maka jelaslah di sini hubung kait antara aspek pendidikan dengan punca kegiatan salah laku jenayah. Hal ini disokong oleh Pazil (2020) yang membuktikan bahawa implikasi daripada kekangan akses peluang pekerjaan dan sekatan daripada memasuki sistem pendidikan formal menjadikan sebahagian etnik Rohingya terjerumus dalam aktiviti jenayah seperti yang terpampang di dada-dada akhbar dan media massa kini.

Malaysia juga merupakan sebuah negara bukan ahli kepada Konvensyen Orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Maka Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus untuk memberikan perlindungan terhadap golongan pelarian termasuk peruntukan pendidikan buat kanak-kanak pelarian malah, kerajaan sering dilihat melakukan perubahan pada dasar ataupun pelan pendidikan di negara ini yang menyebabkan kanak-kanak tanpa warganegara dibenar dan dilarang mengikuti sesi persekolahan di sekolah kerajaan (Miskiman & Zainal, 2019). Hal ini turut termaktub di dalam Dasar Pendidikan Negara, pendidikan rendah adalah wajib kepada kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja dan tidak pula dinyatakan kewajipan kepada kanak-kanak bukan warganegara dan tanpa warganegara. Namun atas dasar kemanusiaan, kerajaan tidak menghalang ataupun meletakkan sebarang sekatan kepada mereka untuk mendaftarkan diri di mana-mana sekolah di bawah kelolaan swasta, NGO dan badan-badan sukarela (Wahab, 2017). Usaha ini turut mendapat campur tangan UNHCR Malaysia dengan menubuhkan 133 buah pusat pembelajaran di seluruh Malaysia bagi memberi peluang kepada kanak-kanak Rohingya mengikuti sesi pembelajaran secara asas dan salah satu daripadanya adalah *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE), Kajang, Selangor yang menjadi subjek dalam kajian ini.

Kertas kerja ini memfokuskan kepada aspek pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia dengan melihat kepada peranan dan cabaran yang dilalui oleh RISE yang dijadikan kajian kes dalam kajian ini. Perbincangan dalam kertas kerja ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, membincangkan mengenai latar belakang RISE. Bahagian kedua, melihat peranan RISE terhadap masyarakat Rohingya di Malaysia. Seterusnya, bahagian ketiga menjelaskan cabaran RISE dalam menguruskan pendidikan Rohingya.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes bagi menghasilkan satu pola terperinci tentang fenomena yang diselidik oleh pengkaji dan kajian kes ini dijalankan di *Rohingya Intellectual Skills and Excellence*, Kajang, Selangor. Kajian ini dapat dikategorikan kepada kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*), kerana sumber data yang diperolehi melalui sumber perpustakaan dan lapangan. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual kumpulan fokus untuk mendapatkan data di lapangan. Antara informan yang terlibat adalah Pegawai Bahagian Program Domestik Islamic Relief Malaysia (IRM) iaitu Noor Halimahton Sa'adiah Binti Talib, Guru Besar RISE iaitu Bismi Syaifullah Bin Ishak, Guru Pendidikan Islam iaitu Wan Mohd Amrol Asyraf Bin Wan Mohd Badruddin dan beberapa orang pelajar RISE yang meminta nama mereka dirahsiakan.

Latar Belakang *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE), Kajang, Selangor

Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE) ditubuhkan oleh *Islamic Relief Malaysia* (IRM) pada 15 Februari 2017 bertempat di Taman Kajang Utama, Kajang, Selangor di bawah Projek Kecemerlangan Intelek dan Kecemerlangan (ISE). RISE dirasmikan oleh Tan Sri Dr. Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar yang merupakan Presiden HUMANiTi Malaysia dan juga Duta Khas *Organization of Islamic Cooperation* (OIC) ke Myanmar. Pada hari yang penuh bersejarah itu turut hadir oleh Ketua Pegawai Eksekutif IRM iaitu Tuan Haji Zairulshahfuddin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif *Islamic Relief* iaitu Zaid Al-Rawni serta kakitangan IRM yang lain. Tujuan penubuhan pusat ini dilihat untuk memberikan perkhidmatan pendidikan secara percuma kepada pelarian Rohingya yang berada di sekitar kawasan Selangor khususnya di kawasan sekitar Kajang, Bandar Baru Bangi, Serdang dan Balakong. Selain itu, RISE merupakan sekolah pertama yang ditubuhkan oleh IRM dan dihaskan untuk pelarian Rohingya serta dipantau sepenuhnya oleh IRM sendiri. Maka, IRM memainkan peranan penting dalam menyediakan kelengkapan sekolah, peralatan pembelajaran, gaji guru serta sewa bangunan sekolah (*Islamic Relief Malaysia [IRM], 2017*).

Walau bagaimanapun, menurut temu bual dengan salah seorang guru RISE, pada awal penubuhannya, pusat ini dinamakan sebagai *Rohingya Integrated School of Excellence*. Namun, oleh kerana mereka dikategorikan sebagai pelarian, maka perkataan "school" tidak boleh digunakan disebabkan ia bukan

sekolah tetapi merupakan Pusat Bimbingan Alternatif (PBA). Maka nama baru RISE seperti yang diguna pakai sehingga kini adalah *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (W. M. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020). Sebagai tambahan PBA merupakan institusi pendidikan yang khusus untuk memberi bimbingan bagi membantu kanak-kanak Rohingya yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di institusi kerajaan atau swasta di Malaysia dengan asas kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran hidup daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah rendah. Peluang pendidikan ini selaras dengan Dasar Pendidikan Alternatif di Malaysia (*Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017*).

Terdapat perbezaan dari segi sistem persekolahan jika dibandingkan dengan sekolah kerajaan seperti waktu beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat bermula jam 9 pagi hingga 3 petang, tarikh permulaan sesi persekolahan selepas cuti hujung tahun sedikit lewat dari sekolah kerajaan iaitu dua ke tiga hari dan uniform di RISE adalah berwarna peach (H. Sa'adiah, temu bual, Mac 14, 2020). Selain itu, sekolah ini juga menggunakan sistem darjah namun tidak mengikut umur yang tepat seperti yang diamalkan di sekolah kerajaan Malaysia. Sekolah ini menawarkan mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam dan ia dijadualkan di sebelah pagi. Waktu rehat digunakan untuk makan tengahari dan solat Zohor secara berjemaah. Seterusnya, jadual sekolah bersambung semula pada jam 2 petang untuk kelas elektif dan jadual sekolah berakhir pada jam 3 petang. Bermula tahun 2020, sekolah ini telah mewujudkan kelas elektif seperti kelas IT, kelas tajwid, kelas mengaji dan kelas seni yang dikendalikan dengan lebih santai dan tidak formal.

Bermula tahun 2020 juga RISE mengenakan bayaran yuran bulanan sebanyak RM 20 setiap pelajar dan dinaikkan kepada RM 30 sebulan sekiranya terdapat lebih dari seorang pelajar daripada keluarga yang sama. Perbezaan antara yuran bulanan yang dikenakan oleh RISE dengan sekolah komuniti yang lain adalah RISE jauh lebih murah dan ia lebih cenderung kepada *commitment fee* kerana duit itu kemudiannya akan disalurkan semula kepada mereka untuk keperluan sekolah seperti buku teks, buku nota, buku latihan, alat tulis, uniform sekolah, beg sekolah, pengangkutan pergi dan balik dari sekolah serta makanan dan minuman untuk waktu rehat tengahari (B. Syaifullah, temubual, Mac 14, 2020).

Menyentuh aspek perkembangan yang terdapat pada RISE dari awal penubuhannya sehingga sekarang memang tidak dapat dinafikan perbezaannya. Pada awalnya, jumlah guru hanya dua orang sahaja dan seorang guru akan mengajar lebih daripada satu subjek. Kemudian dengan adanya penambahan jumlah guru, seorang guru akan mengajar satu subjek sahaja. Perubahan yang paling ketara adalah jumlah pelajar, RISE bermula dengan 30

orang pelajar hasil daripada hebahan dari rumah ke rumah untuk menarik pelajar mendaftar diri di RISE kerana pada ketika itu kebanyakan pelajar sedang mengikuti pembelajaran di *Knowledge Garden Learning Centre* (KGLC), Serdang, Selangor (W. M. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020). Namun sehingga kini masih ada antara ibu bapa yang tetap setia menghantar anak mereka ke KGLC memandangkan sekolah itu dikendalikan oleh komuniti Rohingya sendiri (H. Sa'adiah, temu bual, Mac 14, 2020). Sehingga tahun 2020, jumlah pelajar di RISE mencecah 60 orang pelajar iaitu kenaikan sekali ganda jumlah pelajar berbanding pada peringkat awal pembukaan RISE.

Dari sudut kemudahan pula, bangunan yang menempatkan RISE kini mempunyai tiga aras. Pertama adalah aras bawah yang terdapat dewan, dapur dan tadika manakala, di aras satu terdapat pejabat pentadbiran, bilik guru dan bilik-bilik khas seperti perpustakaan, bilik computer dan bilik mesyuarat. Di aras dua pula terdapat beberapa kelas mengikut darjah serta setiap ruang dilengkapi dengan penghawa dingin. Dari sudut pencapaian pelajar, para pelajar dilihat memahami apa yang diajarkan oleh guru di dalam kelas dan ia dibuktikan melalui kertas jawapan peperiksaan mereka. Tambahan lagi, soalan peperiksaan didatangkan dengan pelbagai variasi untuk menguji tahap kefahaman mereka seperti soalan aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi. Namun, bentuk soalan ini bergantung kepada kesesuaian sesuatu mata pelajaran dan guru yang mengajarnya. Setakat ini penilaian pelajar berdasarkan kepada keputusan peperiksaan akhir tahun dalam bentuk *pointer* atau purata nilai gred keseluruhan (PNGK) (W. M. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020).

Dari sudut pengiktirafan secara keseluruhannya pada tahun 2019, RISE menerima lawatan daripada UNHCR. Hal ini menunjukkan mereka mendapat perhatian di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Malah pada tahun yang sama, RISE turut menerima kunjungan hormat daripada delegasi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang diwakili oleh Dato' Saifuddin Abdullah, Kementerian Pendidikan Malaysia diwakili oleh, Datin Sri Norzamani Abdol Hamid (Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta) dan beberapa orang wakil daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 10 September 2019. Kunjungan khas ini diadakan bertujuan memenuhi lawatan kerja ke Malaysia yang dijalankan oleh Michelle Bachelet dan merupakan lawatan pertama kali Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia ke negara ini. Antara perkara yang dibincangkan oleh IRM bersama pihak delegasi terhormat ini adalah perancangan jangka masa panjang kanak-kanak pelarian Rohingya setelah menamatkan pembelajaran di sekolah ini serta cadangan penambahbaikan latihan kemahiran kepada pelajar (IRM, 2019).

Selain itu, RISE juga tersenarai dalam 13 buah sekolah pelarian atau *refugees school* yang mendapat pengiktirafan di peringkat KPM dan Ministry FES (*Fellowship of Evangelical Students*). Hal ini telah memperlihatkan kesan positif di dalam negara mahupun di luar negara di mana ia berjaya membuka mata masyarakat awam bahawa terdapat NGO yang bangkit membela nasib pelarian Rohingya yang berada di Malaysia. Malah, ia membantu memulihkan nama kerajaan Malaysia yang sebelum ini menerima stigma negatif yang mengatakan bahawa Malaysia tidak membantu nasib pelarian dan tidak mengambil perhatian tentang isu pelarian, sedangkan Malaysia merupakan antara salah satu negara transit golongan ini sehingga dua ke tiga generasi mereka telah menetap di sini (H. Sa'adiah, temu bual, Mac 14, 2020). Perkara ini disokong oleh Equal Rights of Stateless (2014) yang menyatakan Keberadaan etnik Rohingya di Malaysia telah menjangkau dua ke tiga generasi lamanya dan penempatan pelarian Rohingya dilihat berada di seluruh Malaysia dengan jumlah komuniti lebih besar di sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Peranan RISE Terhadap Masyarakat Rohingya di Malaysia

Antara peranan RISE terhadap masyarakat Rohingya adalah memberi perlindungan sementara, menyediakan kelengkapan persekolahan dan juga menyediakan silibus pengajaran yang sesuai kepada kanak-kanak Rohingya serta menyediakan aktiviti kokurikulum dan kemahiran yang bersesuaian.

Memberi Perlindungan Sementara

Dari sudut perlindungan, pada awal kemasukan pelajar ke RISE kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai kad UNHCR namun pihak RISE tidak menjadikannya penyebab kepada mereka tidak boleh mendapatkan pendidikan di sekolah ini. Sebaliknya, dari semasa ke semasa mereka digesa untuk memiliki kad UNHCR bagi memudahkan mereka mendapatkan sebarang bantuan sejajar dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh UNHCR bahawa setiap pelajar mesti menjadi pemegang kad UNHCR yang sah. Dari aspek ini pihak RISE sendiri membantu mereka dari sudut pendaftaran dan juga mempercepatkan proses mendapatkan kad UNHCR.

Selain itu, para pelajar RISE turut dilindungi oleh surat perlindungan atau *protection letter* daripada UNHCR. Hal ini bermakna sekiranya mereka berada di sekolah ataupun menyertai lawatan sekolah ke mana-mana tempat, mereka ini tidak akan ditangkap malah

pihak berkuasa juga tidak boleh membuat sebarang serbuan ke atas permis yang menempatkan sekolah pelarian ini. Surat perlindungan ini bukan sahaja boleh diguna pakai kepada para pelajar RISE malah turut kepada ibu bapa atau waris yang menghadiri program di sekolah. Walau bagaimanapun, apabila keluar sahaja dari kawasan sekolah mereka perlu membawa bersama kad UNHCR dan sekiranya tiada, mereka boleh ditangkap.

“Budak-budak ni kalau kemana-manakan pakai kad UN sebenarnya mereka boleh kena tangkap. Itu kalau mereka di sekolah. Mereka covered by protection letter daripada UN. So kalau kami bawa pergi trip ke apa as long mereka dengan Islamic Relief ni RISE ni ok sebab kita memang ada, contoh kita ada 80 orang student yang kita registred so mereka ada protection letter. Kalau kata parents mereka datang kat sini ada program, parents mereka sendiri covered. So polis ke tak boleh raid kat RISE sebab kita ada protection letter. Sama lah dengan sekolah-sekolah yang lain macam tu juga. Tapi kalau kata dia di luar berjalan bukan ada kaitan dengan program-program RISE kalau dia tak bawa kad UN, mungkin dia boleh kena tangkap.”

(H. Sa’adiah, temubual, Mac 14, 2020)

Menyediakan Kelengkapan Persekolahan

RISE menyediakan pelbagai kelengkapan persekolahan termasuk buku teks, buku nota, buku latihan, alat tulis, uniform sekolah, beg sekolah, makanan, minuman dan juga pengangkutan. Malah, pelajar RISE dilihat seolah-olah hanya datang ke sekolah membawa diri sahaja kerana semua keperluan telah disediakan. Hal ini sedikit sebanyak mampu meringankan beban ibu bapa dalam menyediakan keperluan sekolah kepada anak-anak mereka memandangkan kebanyakan daripada mereka datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

“Buku teks provided, buku nota provided, barang tulis provided, uniform provided, beg sekolah, semua lah dorang datang bawa badan je la.”

(B. Syaifullah, temubual, Mac 14, 2020)

Di samping itu, RISE juga berperanan sebagai platform bagi masyarakat Rohingya mendapatkan bantuan. Ketika perjumpaan RISE bersama keluarga pelajar, ibu bapa menyatakan hasrat mereka membenarkan anak-anak ke sekolah disebabkan terdapat banyak kemudahan dan bantuan yang disediakan. Namun lama-kelamaan mereka menyedari akan kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka (H. Sa’adiah, temubual, Mac 14, 2020). Antara bantuan yang pernah diterima

oleh para pelajar RISE adalah bantuan kewangan berbentuk *one off* pada bulan Ramadan, agihan daging mentah ibadah korban oleh *Qatar Charity*, menerima pek makanan keperluan asas, ayam segar, kit kebersihan dan bantuan kewangan ketika Malaysia berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada wabak pandemik Covid-19 (IRM, 2020).

Menurut Halimahton Sa’adiah ketika sesi temubual, RISE dijadikan sebagai platform sementara untuk melupakan segala bentuk kesusahan dan keperitan yang dialami oleh kanak-kanak pelarian Rohingya ini seperti perasaan trauma ketika berada di kem pelarian atau cara mereka masuk ke Malaysia, Hal ini turut disokong dengan kenyataan:

“Sekolah ini menjadi jalan keluar sementara daripada sebarang apa yang ada kat rumah tak cukup makan ke apa ke tak cukup tidur ke kerja banyak ke”.

(W. M. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020)

Menyediakan Silibus Pelajaran yang Sesuai

RISE merupakan sekolah yang seimbang dari segi pendidikan akademik dan juga pendidikan keagamaan. Hal ini berbeza dengan sekolah-sekolah komuniti Rohingya yang lain di mana mereka lebih memfokuskan pembelajaran berbentuk keagamaan dan sekiranya ada pelajaran yang berbentuk akademik, mungkin hanya sedikit. Malah di RISE para pelajar turut didedahkan dengan sifat tanggungjawab dan kepimpinan di mana ada sebahagian pelajar yang menjawat jawatan pengawas sekolah dan pengawas pusat sumber.

Selain itu, pembelajaran di RISE merangkumi subjek-subjek teras seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains serta Pendidikan Islam yang diajar secara insentif di samping menawarkan pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira atau dikenali dengan 3M. Pendidikan 3M menjadi keutamaan di RISE kerana keberadaan mereka di Malaysia hanya transit sementara dan apabila negara mereka pulih kelak, mereka akan pulang dan jika tidak, mereka akan dihantar ke negara ketiga. Namun sampai bila mereka akan terus berada di Malaysia, tidak dapat ditentukan. Maka penting untuk mereka menguasai sekurang-kurangnya 3M tersebut bagi memudahkan urusan harian mereka di Malaysia.

Seterusnya dari aspek penentuan silibus pembelajaran di sekolah ini terdapat topik atau subtopik yang telah diturunkan tahap dan tidak diajar kerana dilihat tidak relevan kepada golongan pelarian khususnya Rohingya setelah ia dikaji. Hal ini dinyatakan oleh salah seorang informan temubual ini:

“Downgrade tu maksudnya ada yang kami ajar, ada yang kami tak ajar dalam satu-satu silibus

contoh silibus Bahasa Melayu, yang pertama kadang-kadang Bahasa Melayu tu dia ada penuturlatif eh, tatabahasa Melayu tu lah, kadang-kadang tak sesuai pun untuk mereka belajar. Yang kedua, Bahasa Melayu dia ada banyak unsur patriotisme Malaysia kan, jadi tak patut pun kita mengajar pada pelarian”.

(W. M. A. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020)

Penggunaan buku teks dan buku latihan bagi subjek Pendidikan Islam di RISE diperolehi daripada Singapura disebabkan penyampaian buku tersebut dalam tulisan rumi. Sebelum ini, mereka menggunakan buku teks dan buku latihan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA), namun mengalami kesukaran disebabkan buku itu dalam tulisan jawi dan pelajar tidak memahaminya. Guru terbabit perlu terjemahkan semula dalam tulisan rumi sebelum diberikan kepada pelajar (W. M. Ashraf, temubual, Mac 14, 2020). Sementara itu, RISE secara jelasnya tidak mensasarkan sebarang pencapaian berbanding sekolah kerajaan di mana para guru perlu bertungkus lumus mempersiapkan anak murid mereka yang akan menghadapi peperiksaan awam seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bahkan di RISE, mereka juga tidak terkejar-kejar untuk menghabiskan silibus pengajaran, hanya cukup sekadar memberikan pembelajaran asas yang berkualiti (B. Syaifullah, temubual, Mac 14, 2020).

Menyediakan Aktiviti Kokurikulum dan Kemahiran yang Bersesuaian

Sejajar dengan cadangan penambahbaikan latihan kemahiran yang diutarakan oleh delegasi terhormat ketika membuat lawatan ke RISE, maka kelas elektif seperti kelas jahitan telah diwujudkan. Buat masa sekarang para pelajar diajar menjahit baju uniform sekolah untuk pelajar baharu dan hal ini mampu mengurangkan kos untuk menempah uniform tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan ini berobjektifkan jangka masa panjang, apabila kanak-kanak pelarian Rohingya menamatkan pembelajaran di sekolah ini kelak, di mana mereka sudah dibekalkan dengan kemahiran yang mampu menjana pendapatan dan membolehkan mereka membantu keluarga dan komuniti mereka semula.

Dari sudut program pembangunan insan dan jati diri pelajar, pihak RISE telah mengatur beberapa program seperti kem Ramadan, Qiamullail, bengkel asas berkaitan ilmu fardhu ain, kem ibadah solat dan juga amali manasik haji dan umrah yang dikendalikan oleh guru Pendidikan Islam. Program seperti ini juga turut melibatkan para pelajar universiti di dalam dan di luar Malaysia. Antaranya seperti mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah mengadakan “Kem Best Study Solat” untuk pelajar RISE agar mereka

benar-benar memahami dan menjalani ibadah solat secara tepat yang merangkumi soal sah, batal dan rukun solat seperti yang disyariatkan dalam Islam. Selain itu, mahasiswa tahun akhir jurusan pergigian Universiti Al-Azhar, Mesir dengan kerjasama IRM juga telah mengadakan program pemeriksaan gigi secara percuma pada tahun 2019. Program ini bertujuan memberi pemeriksaan kesihatan secara percuma kepada para pelajar di samping meningkatkan kesadaran tentang kepentingan penjagaan gigi (IRM, 2019).

Cabaran RISE dalam Menguruskan Pendidikan Masyarakat Rohingya

RISE dilihat penting dalam usaha memberikan pendidikan yang sewajarnya kepada anak-anak pelarian Rohingya khususnya di kawasan Kajang, Selangor. Namun dalam melaksanakan usaha itu, RISE menghadapi beberapa cabaran dalam menguruskan pendidikan masyarakat Rohingya. Antaranya ialah masalah komunikasi, dana kewangan, ruang kelas terhad dan masalah pelajar Rohingya sendiri.

Masalah Komunikasi dalam Kalangan Pelajar RISE

Cabaran terbesar yang dihadapinya sebagai seorang guru apabila berhadapan dengan pelajar Rohingya yang mempunyai masalah komunikasi. Melalui pengalaman guru RISE, majoriti pelajar di sini tidak mampu bertutur dalam Bahasa Melayu apatah lagi memahami Bahasa Melayu dengan tepat dan sekiranya boleh bertutur sekalipun mereka terikut telor bangsa Cina di Malaysia. Hal ini berpunca daripada latar belakang kehidupan mereka yang pernah bekerja dengan majikan berbangsa Cina (IRM, 2019). Perkara ini turut disokong oleh Jennifer et al. (seperti yang dinyatakan dalam Miskiman & Zainal, 2019) bahawa perbezaan bahasa menjadikan cabaran utama bagi guru-guru yang berhadapan dengan golongan ini kerana bahasa yang digunakan guru di dalam kelas berbeza dengan bahasa utama murid-murid. Selain itu, berdasarkan maklumat yang diterima daripada temu bual dengan tiga orang pelajar RISE yang minta nama mereka dirahsiakan, setiap seorang daripada mereka boleh bercakap Bahasa Melayu. Namun berlainan caranya di mana ada yang mengambil masa selama setahun untuk bercakap Bahasa Melayu dan ada juga belajar melalui cara berkawan dengan kanak-kanak berbangsa Cina di sekitar rumah. Namun, mereka masih menggunakan Bahasa Rohingya untuk berbual sesama ahli keluarga mereka di rumah.

Memandangkan RISE biasanya menerima pelajar baru di peringkat tadika, perkara ini telah menimbulkan cabaran untuk guru tadika yang mengajar dalam Bahasa Melayu. Maka, guru mengambil inisiatif

dengan meminta pertolongan murid lain untuk menerangkan semula dalam bahasa yang difahami.

“Kita ada student yang macam senior sikit, so dia masuk sekolah awal tau, so dia pun ada abang atau kakak yang sekolah di sini yang boleh cakap Melayu, dia pun learn from that. So lepas tu kalau dia kat kindergarten, kami terima student baru, so nanti cikgu akan minta tolong lah. Ok, tolong translet kat dia ni, kita mula dengan tu jelah. Tapi its take time, sebab budak-budakkan. Tapi budak-budak ni kadang-kadang bukan slow learner sebenarnya dia cepat catch up language ni, takda masalah.”

(H. Sa’adiah, temu bual, Mac 14, 2020)

Dari sudut pemahaman pula dilihat mereka menghadapi kesukaran dalam memahami perkataan saintifik khususnya dalam subjek Sains, contohnya perkataan oksigen, karbon dioksida dan lain-lain. Maka, guru perlu memainkan peranan dalam menerangkan dan ia perlu berulang kali untuk memahamkan mereka (IRM, 2019). Di samping itu, bahasa yang ditekankan di dalam kelas adalah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Para guru mengimpikan mereka menguasai kemahiran dan pementapan Bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian walaupun tidak mendalam. Ia sudah memadai asalkan mereka memahami bahasa itu dalam pembacaan, pendengaran, penulisan dan pertuturan. Menerusi penguasaan bahasa ini juga mampu membuka peluang kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan di negara ketiga nanti.

Kekurangan Dana

Pihak RISE memerlukan dana daripada pelbagai pihak dan buat masa sekarang penyumbang dana utama RISE adalah IRM. Malah dengan bayaran yuran bulanan yang dikenakan kepada pelajar sebenarnya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan bulanan RISE yang termasuk bil elektrik, bil air, sewa permis, gaji guru, bil pengurusan dan sebagainya. Maka RISE berharap akan ada pelbagai pihak yang secara sukarela datang menghulurkan sumbangan tajaan dana kepada RISE pada masa depan demi meringankan beban RISE dalam memperkasakan pendidikan pelarian Rohingya di Malaysia.

“Tapi moving forward nak juga RISE ada multiple funders so bukan Setakat Islamic Relief sahaja so mcm fund daripada luar ke yang terus direct ke sini. Tapi since RISE ni initiate tubuhkan by Islamic Relief so kami masih lagi menguruskan bukan sekadar bagi duit je menguruskan in directly dan membantu RISE juga lah dari segi cikgunya,

dari segi pelajar, dari segi kos, dari segi cara-cara mengoperasi ke apa kami masih lagi membantu.”

(H. Sa’adiah, temubual, Mac 14, 2020)

Menurut pegawai eksekutif IRM, Zairulshahfuddin Zainal Abidin, RISE memerlukan RM 10 ribu sebulan di mana sewa premis sahaja RM 4500 dan ia tidak termasuk makanan, pengangkutan dan barang keperluan lain. Bagi NGO, cabarannya adalah dana yang berterusan bagi mengekalkan sekolah ini (Amin, 2019). Walau bagaimanapun, menurut beberapa kajian lepas terdapat beberapa buah sekolah pelarian yang terpaksa dihentikan operasi akibat daripada kekurangan dana yang berterusan contohnya sebuah madrasah di Cheras dibawah kendalian Yayasan Salam Selangor yang terpaksa dihentikan operasinya selama dua tahun akibat kekurangan dana (Abdullah, 2014; Dali & Abdullah, 2012; Suan, 2006). Maka dana kewangan sangat penting dalam meneruskan kelangsungan sesebuah sekolah pelarian dan menjadi kebimbangan bagi pihak yang terlibat dalam menguruskan pusat pembelajaran kanak-kanak pelarian.

Ruang Kelas RISE yang Terhad

RISE juga mempunyai kekangan ruang kelas memandangkan mereka menyewa rumah kedai untuk dijadikan sekolah. Pada masa sekarang, terdapat lima buah kelas dan satu daripadanya adalah kelas tadika. Jumlah pelajar perlu dihadkan bagi setiap kelas disebabkan struktur ruang kelas yang agak terhad untuk memuatkan kerusi dan meja tambahan dan pihak sekolah menghadkan 10 orang maksimum bagi setiap kelas kecuali tadika. Keadaan ini dilihat sama seperti beberapa buah pusat pembelajaran yang dikhaskan untuk pelarian Rohingya di Pulau Pinang di mana lokasi sekolah mereka terdiri daripada rumah kedai yang disewa, masjid dan surau (Norazira, 2014). Hal ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dari sudut kemudahan dan kelengkapan di antara pusat pembelajaran yang dikhaskan untuk pelarian atau kanak-kanak tanpa warganegara dengan sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan (Miskiman & Zainal 2019).

Kesukaran Mendapatkan Kad UNHCR dalam Kalangan Pelajar RISE

Cabaran lain yang turut dihadapi oleh RISE adalah apabila berhadapan dengan kebanyakan pelajar yang tidak mempunyai kad UNHCR. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai dokumen yang sah dari negara asal. Perkara ini telah melambatkan proses pemohonan kad UNHCR. Namun begitu, pihak RISE sedaya upaya membantu mempercepatkan proses mendapatkan kad

UNHCR untuk mereka bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan yang lebih baik.

Masalah Keluarga Pelajar RISE

RISE juga berdepan dengan pelajar yang terpaksa berhenti sekolah. Malah punca sebenar pelajar berhenti sekolah bukannya disebabkan tidak mampu membayar yuran tetapi disebabkan masalah dalaman keluarga. Perkara ini seperti yang berlaku kepada pelajar RISE yang bernama Kamal berumur 11 tahun. Dia terpaksa berhenti sekolah kerana menjaga ibunya yang sedang sakit. Sementara itu, terdapat juga pelajar yang datang daripada keluarga yang sama dan berganti-ganti datang ke sekolah disebabkan perlu menjaga adik di rumah.

“Kadang-kadang problem yang macam itu lah yang membuatkan mereka tak pergi ke sekolah. Bukannya mak tak bagi, dia macam mana eh, kadang-kadang internal dalam family tu sendiri mungkin perlukan anak kat rumah ke apa ke bukan tak nak anak sekolah.”

(H. Sa’adiah, temubual, Mac 14, 2020)

Para pelajar ini bukan sengaja tidak mahu hadir ke sekolah namun atas sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan. Oleh hal yang demikian, pihak sekolah juga tidak boleh memaksa kerana mereka tiada pilihan lain selain dari berhenti sekolah. Desakan dan himpitan kehidupan mereka sering menjadi alasan untuk bertindak sedemikian. Setakat ini, pihak sekolah tidak mengambil sebarang tindakan sekiranya pelajar tidak datang ke sekolah berturut-turut kerana masing-masing mempunyai sebab yang tersendiri (B. Syaifullah, temubual, Mac 14, 2020).

Perancangan dan Cadangan Penambahbaikan untuk RISE

Dari semasa ke semasa pihak pentadbiran RISE telah mengatur perancangan untuk perkembangan dan kemajuan sekolah dan juga pelajar seperti mengadakan program jaya waris. Antara objektifnya adalah untuk memaklumkan prestasi semasa anak-anak kepada waris dan memberi motivasi kepada waris dan pelajar dalam meningkatkan kualiti pencapaian pelajar. Di samping itu, RISE juga akan menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi mewujudkan permuafakatan antara ibu bapa dan guru serta membina kesefahaman tentang tugas bersama dalam meningkatkan mutu pembelajaran pelajar. Maka RISE tidaklah bergerak sebelah pihak sahaja tanpa sokongan dan dorongan daripada ibu bapa pelajar untuk

memberikan pendidikan terbaik kepada masyarakat Rohingya.

“Tahun ni baru kita start jumpa family mak ayah, sebab nya dia orang ni tahu je sekolah tapi dia orang macam mana ya, macam kadang-kadang sesetengah event ja tapi sekarang ni kita kalau boleh nak mak ayah datang dan tengok sekolah, how actually the important of education, kita serius dan family pun kena serius lah untuk bagi kerjasama lah. So, tahun ni akan ada lah setting untuk PIBG, mak ayah akan datang kita terang kan keputusan anak dia, anak dia dah sampai level yang macam mana”

(H. Sa’adiah, temubual, Mac 14, 2020)

Bagi pihak IRM pula, mereka selaku pengelola RISE terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menguruskan kelangsungan pusat pembelajaran ini. Namun, IRM terus berharap pada masa akan datang, lebih banyak lagi mahasiswa, tenaga pakar atau organisasi lain yang turut terlibat bersama IRM dalam usaha memperkasa komuniti ke arah mewujudkan dunia prihatin. Malahan, IRM juga berhasrat ingin mewujudkan sekolah menengah RISE memandangkan pada masa sekarang hanya ada di peringkat rendah dan menengah rendah sahaja dan menambah bilangan sekolah seperti ini untuk pelarian lain yang berada di Malaysia seperti Afghanistan, Syria dan sebagainya sekiranya dana mencukupi.

Kesimpulan

Kertas kerja ini telah berjaya membincangkan tiga objektif yang dibentangkan. Pertama, mengenai latar belakang RISE di mana RISE telah dibangunkan oleh IRM bagi memberi peluang pendidikan asas kepada anak-anak pelarian di Malaysia khasnya kawasan sekitar Kajang, Bandar Baru Bangi, Serdang dan Balakong di samping meningkatkan kemahiran anak-anak Rohingya yang membolehkan mereka berbakti semula kepada komuniti. Kedua, peranan RISE terhadap masyarakat Rohingya di Malaysia adalah memberi perlindungan melalui surat perlindungan, menyediakan bantuan kelengkapan persekolahan, menyediakan silibus pembelajaran yang sesuai kepada kanak-kanak Rohingya serta menyediakan aktiviti kokurikulum dan kemahiran yang bersesuaian. Ketiga, cabaran RISE dalam menguruskan pendidikan Rohingya di Malaysia adalah masalah komunikasi kerana kanak-kanak tersebut tidak memahami bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, ketiadaan kad UNHCR dalam kalangan pelajar dan masalah dalaman keluarga masyarakat Rohingya serta RISE tidak mempunyai dana kewangan yang banyak untuk membiayai kos pendidikan kanak-kanak. Cadangan

penubuhan PIBG dan mengadakan pelbagai program termasuk motivasi dan menggalakkan pelbagai pihak lain terlibat dalam pembangunan pendidikan golongan pelarian antara yang boleh ditambahbaik ke arah melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan memberi manfaat kepada komuniti.

Kajian yang dijalankan di RISE boleh dijadikan salah satu sampel bagi meneruskan kajian terhadap pusat bimbingan alternatif yang lain di seluruh Malaysia dalam mencari permasalahan dan solusi yang dihadapi oleh pusat-pusat tersebut. Aspek lain yang boleh diteroka juga adalah berkenaan persepsi masyarakat terhadap RISE atau pusat bimbingan alternatif lain dan penggunaan kaji selidik yang standard bagi mengukur perkhidmatan RISE atau pusat alternatif yang lain. Diharap agar kajian yang dijalankan ini dapat memberi input kepada pelbagai pihak dalam memastikan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia dapat ditingkatkan kualitinya bagi menjamin kesejahteraan hidup mereka. Sekiranya permasalahan yang membelenggu golongan pelarian ini tidak diatasi dengan baik, ia kemungkinan akan mengganggu proses pembangunan negara yang mampan kerana kehidupan masyarakat yang sejahtera adalah jaminan ke arah melahirkan negara yang stabil dan berdaulat.

Rujukan

- Abdullah, A. (2014). Diaspora Rohingya di Malaysia: Pengekalan identiti dan survival masyarakat minoriti. *Sarjana*, 29(1), 107-122.
- Ali, N., Islam, P. K. P. P., & Kemasyarakatan, P. P. S. (2014). Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: kajian kes di Pulau Pinang. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 13, 265-74.
- Amin, N. S. [KiniTV]. (2019, Oktober 18) . Khas: Sekolah Anak Rohingya RISE Perlu Dana Berterusan [Video]. Youtube. <https://youtu.be/KPqjmr4DhQ>
- Dali, A. M., & Abdullah, A. (2012). *Air mata kesengsaraan Rohingya: identiti, penindasan dan pelarian*. Inteam Publishing.
- Equal Rights Trust. (2014). *Equal only in name: The human rights of stateless Rohingya in Malaysia*. Equal Rights Trust.
- Hajimin, M. N. H. H., & Ibrahim, I. A. (2017). Hak dan perlindungan pelarian Muslim Filipina menurut syariah dan undang-undang Malaysia: Kajian di Negeri Sabah. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(2), 193-206.
- Islamic Relief Malaysia. (2017, 15 Februari). *Rohingya Integrated School of Excellence bakal lahirkan pelajar Rohingya berkualiti tinggi*. <https://islamic-relief.org.my/ms/rohingya-integrated-school-of-excellence-rise-bakal-lahirkan-pelajar-rohingya-berkualiti-tinggi/>
- Islamic Relief Malaysia. (2019, 10 September). *IRM berbesar hati terima kunjungan hormat delegasi kementerian dan wakil PBB*. <https://islamic-relief-terima-kunjungan-hormat-delegasi-kementerian-dan-wakil-pbb/>
- Islamic Relief Malaysia. (2019, 14 September). *IRM, Mahasiswa pergigian Universiti Al-Azhar santuni pelajar RISE*. <https://islamic-relief.org.my/ms/irm-mahasiswa-pergigian-universiti-al-azhar-santuni-pelajar-rise/>
- Islamic Relief Malaysia. (2019, 16 Mei). *Korban jiwa dan raga demi sahsiah anak Rohingya*. <https://islamic-relief.org.my/ms/korban-jiwa-dan-raga-demi-sahsiah-anak-rohingya/>
- Islamic Relief Malaysia. (2020, 7 April). *Islamic Relief Malaysia terus salur bantuan meski gerak kerja terbatas*. <https://islamic-relief.org.my/ms/islamic-relief-malaysia-terus-salur-bantuan-meski-gerak-kerja-terbatas/>
- Islamic Relief Malaysia. (n.d.). *Kemahiran dan kecemerlangan intelek (ISE) - Menyediakan pendidikan bagi pelarian Rohingya di Malaysia*. <https://islamic-relief.org.my/ms/refugee-intellectual-skills-excellence-rise-menyediakan-pendidikan-bagi-pelarian-rohingya-di-malaysia/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khan, I. N. G., Shukor, H. A., Hashim, H., & Yusof, N. (2019). Isu perundangan berkaitan perkahwinan etnik Rohingya beragama Islam di Malaysia. *5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Malaysia*, 66-75. http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/E-Proceeding-2019/06-Isu_perundangan-Intan_Nadia_Ghulam_Khan.pdf
- Miskiman, N., & Zainal, K. (2019). Cabaran dan limitasi pendidikan untuk kanak-kanak tanpa warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. *Proceeding International Conference on Business, Education, Innovation & Social Science (ICBEISS 2019), Malaysia*, 382-290. https://www.academia.edu/39931538/cabaran_dan_limitasi_pendidikan_untuk_kanak_kanak_tanpa_warganegara_di_pulau_mabul_semporna_sabah
- Pazil, N. F. A. (2020). Aplikasi enam dimensi kelompok minoriti berdasarkan pendekatan Kinloch: Perubahan sosio-politik minoriti Rohingya. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 311-325.

- Suan, T. P. (2006). *Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup. Akademi*, 68(1), 111-122.
- UNHCR Malaysia. (n.d.). *Figures at a Glance in Malaysia.* <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>
- Wahab, A. A. (2019). *Dalal dan penyeludupan Rohingya ke Malaysia.* Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahab, A. A. (2017). *Penyeludupan migran dan keselamatan insan: Kajian kes orang pelarian Rohingya di Lembah Klang, Malaysia.* [Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan], Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.